



29 Mei 2012  
29 May 2012  
P.U. (A) 164

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN  
(PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2012

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 2)  
ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 2) 2012.**  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Mei 2012.

**Peremitan cukai**

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan Nota Berjangka Sederhana Berasaskan Syariah yang diterbitkan menurut Program Nota Berjangka Sederhana Berasaskan Syariah dengan nilai nominal sebanyak tiga ribu juta ringgit (RM3,000,000,000.00) ("Program IMTN") oleh Perbadanan Johor ("Penerbit") termasuklah tetapi tidak terhad kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan jaminan ("Jaminan") yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, yang kena dibayar oleh—

- (a) Penerbit, yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Perbadanan Johor) 2012; [P.U. (A) 128/2012];
- (b) mana-mana pemegang pemastautin Nota Berjangka Sederhana Berasaskan Syariah berkenaan dengan pendapatan pelaburan;
- (c) mana-mana pemegang bukan pemastautin Nota Berjangka Sederhana Berasaskan Syariah berkenaan dengan cukai pegangan; atau